

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG KAH WOH [IPOH TIMUR]

TARIKH : 27 JULAI 2020 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah peruntukan Kerajaan yang telah disalurkan kepada sekolah-sekolah SMK, SMJK, SK, SJK(C), SJK(T), SUWA, SAR dari 1 Mac 2020 sehingga sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM660.2 juta pada bulan Januari dan Februari 2020 untuk penyelenggaraan 6,507 buah sekolah di seluruh negara di bawah Program Khusus Penyelenggaraan Institusi Pendidikan. Perincian penyaluran peruntukan tersebut adalah seperti berikut:

Bil.	Jenis Sekolah	Peruntukan (RM juta)	Bilangan Sekolah
1.	Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Kebangsaan	355.1	4,012
2.	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina	43.8	437
3.	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil	18.7	213
4.	Sekolah Berasrama Penuh	50.0	69
5.	Institusi Pendidikan lain seperti Institut Pendidikan Guru Malaysia, Institut Aminuddin Baki, Kolej	192.6	1,776

Bil.	Jenis Sekolah	Peruntukan (RM juta)	Bilangan Sekolah
	Matrikulasi, Pusat Kegiatan Guru, Pusat Ko-Kurikulum dan Kuarters Pendidikan		
JUMLAH		660.2	6,507

Daripada jumlah peruntukan yang disalurkan ini, KPM sedang membuat penjajaran semula peruntukan yang masih belum dibelanjakan bagi memastikan keutamaan diberikan kepada kerja-kerja penyelenggaraan yang kritikal.

Sementara itu, baki peruntukan Program Khusus Penyelenggaraan Institusi Pendidikan bagi tahun 2020 sebanyak RM136.8 juta kini sedang dalam proses untuk disalurkan kepada sekolah-sekolah yang terlibat.

Di samping itu, KPM juga menerima sejumlah RM410 juta peruntukan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi 2020. Peruntukan tersebut adalah bagi kerja-kerja menaik taraf, baik pulih dan selenggara kemudahan di sekolah. Kesemua peruntukan ini telah disalurkan ke Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah pada bulan April 2020.

KPM sentiasa prihatin dan akan terus memberi perhatian kepada keperluan penyelenggaraan fasiliti bangunan dan kemudahan di sekolah. Ini adalah penting untuk membolehkan murid dapat mengikuti pengajaran dan pembelajaran dalam keadaan selamat, kondusif dan selesa.

Sekian, terima kasih.